

**TEKS UCAPAN
DATUK KP
SEMPENA
PENCAPAIAN
JTM 2024**

Tahun 2024 mencatatkan pencapaian terbaik JTM. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh kakitangan JTM dan ILJTM atas dedikasi dan pencapaian **KITA** yang cemerlang pada tahun ini.

1. Sepanjang tahun 2024, ILJTM berjaya melaksanakan **5,500 aktiviti penyelenggaraan sendiri** di seluruh institut, dengan penjimatan sebanyak **RM881,037.48**. Kejayaan ini mencerminkan kemahiran dan kepakaran warga ILJTM dalam menguruskan sumber secara cekap dan berkesan dan seterusnya menjadikan institusi kita sebagai model pengurusan kewangan yang bijak.
2. **JTM juga telah melaksanakan pusingan kerja sebanyak 9.19%, satu peningkatan yang signifikan dalam memastikan kecekapan operasi serta pengoptimuman sumber manusia di JTM, khususnya di ILJM.**
3. JTM terus komited untuk menjadi peneraju dalam teknologi terkini melalui **penubuhan JTM Drone Technology Hub** di enam (6) ILJTM yang terpilih.
4. JTM melalui ILP Pasir Gudang telah menerima serahan pengambilalihan aset dan bangunan di **NIOSH Wilayah Selatan**.
5. Sebanyak 162 program **WIRA KESUMA** telah dilaksanakan yang melibatkan 1,400 orang pengajar dan 5,200 orang pelajar. Lebih membanggakan, usaha ini telah mendapat tajaan sebanyak RM80,000 dari Bank Islam Berhad untuk pelaksanaan **WIRA KESUMA 2025**.
6. Projek mercu tanda setinggi 10 kaki yang diperbuat daripada logam perak dan dihiasi dengan logo "**Saya Sayang Seremban**" ialah hasil usaha ILP Pedas dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN Lobak dan Majlis Perbandaran Seremban.

JTM bersama ILJTM telah menerima pelbagai pengiktirafan daripada pelbagai pihak, dan ini membuktikan komitmen KITA menawarkan perkhidmatan yang terbaik dalam program TVET yang berkualiti serta perjuangan kita untuk melahirkan tenaga kerja mahir negara. Antara pengiktirafan KITA peroleh adalah:

1. **Persijilan ISO 9001:2005;**
2. **Pengiktirafan OPITO Global 2 Qualification di ADTEC Kemaman dan ILP Pasir Gudang oleh Offshore Petroleum Industry Training Organisation (OPITO) untuk program Minyak dan Gas;**
3. **ILP Kota Kinabalu dan ILP Pedas diiktiraf sebagai Best TVET Institution dalam Malaysia Education & TVET Awards 2024;**
4. **Replica Mini Watercooled Chiller oleh ADTEC Kemaman telah menarik perhatian dan dipinang oleh Syarikat GH Makmur Sdn Bhd; dan**
5. **ILP Selandar menerima Anugerah Kecemerlangan: Audit Pematuhan Kewangan KESUMA Tahun 2023, anjuran Unit Audit Dalaman, Kementerian Sumber Manusia.**

JTM bersama ILJTM juga telah menganjurkan pelbagai program dengan pelbagai agensi dan Kerajaan negeri yang memberi impak besar dalam membina masa depan generasi muda, memperkukuhkan jaringan industri dan mempromosikan kemahiran sebagai kunci kejayaan negara, bukan sahaja kepada pengajar dan pelajar ILJTM tetapi juga kepada rakyat, seperti :

1. **Hari TVET Negara di ILP Kuala Langat;**
2. **ASEAN-ROK TVET Mobility Program di ADTEC Kemaman melibatkan 25 peserta daripada 7 negara ASEAN;**
3. **Pertandingan Kreativiti dan Inovasi (CITEC) 2024 di ADTEC Melaka;**
4. **THIRD COUNTRY TRAINING PROGRAMME (TCTPI) di JMJI bagi kursus "Network Technology with IoT Applications in Digital Economy", yang melibatkan 10 peserta dari 4 negara;**
5. **Mini Seminar on Industry-Academia 2024, ADTEC Bintulu bersama Ministry of Education and Talent Development Sarawak (MEITD) dan Sarawak Skills;**

6. **TVET Fun Run '24**, ILP Ipoh dan Majlis Bandaran Ipoh;
7. **Hari Ozon Sedunia dan Hari Alam Sekitar Negara 2024** di ADTEC Shah Alam bersama Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor;
8. **Program Usahawan Digital YPM 2024** di ILP Kota Samarahan bersama Yayasan Pelajaran MARA;
9. **Konvensyen Kepimpinan Generasi Belia dan Beliawanis Pengurusan Masjid Negeri Perak** di ILP Ipoh sempena **Ummatic Festival 3.0**; dan
10. **Program Penyelidikan Muamalat Muslimah di ILP Pedas** anjuran Jabatan Mufti Negeri Sembilan Persatuan Kebajikan Peduli Ummah Negeri Sembilan, Yakin Global Hub Enterprise, dan AR Academy. Kejayaan pengajar dan pelajar ILJTM.

Para pengajar dan pelajar ILJTM telah melakarkan kejayaan yang cemerlang dalam pertandingan inovasi, kreativiti, teknikal dan juga Kemahiran Insaniah sama ada dalam atau luar negara.

Antara kejayaan pengajar ILJTM adalah :

1. ADTEC Kulim, Pakar Penasihat Robot bagi Pasukan Robotik SMK Mahang, *Pertandingan Petrosains RBTX Challenge Tahun 2024*;
2. ILP Kota Kinabalu, emas, International' Innovation Competition 2024;
3. ILP Kota Kinabalu, Esei Kritikan terbaik anjuran Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia dan Kerajaan Negeri Sabah;
4. ADTEC Shah Alam, johan Pertandingan Akhir Kemahiran Selangor Advanced Skills (SAS) 2024;
5. ILP Mersing, johan Pertandingan Youth as Researchers (VAR), anjuran UNESCO dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES);
6. ADTEC Kemaman, johan Kejohanan Sukan Udara 2024;

7. ILP Tangkak, Best Design Award Category dalam MJII Robofight Competition 2024;
8. ILP Tangkak, johan, Pertandingan 'Low Carbon Challenge @Tangkak' Kategori Bangunan Kerajaan;
9. ILP Ipoh, emas dan Pingat Perak, Pertandingan Inovasi Pendidikan Peringkat Kebangsaan 2024 / National Innovation Competition in Education 2024 (NICE 2024);
10. ADTEC Taiping, emas, Pertandingan iCompEX 2024;
11. ILP Bukit Katil, perak dan gangsa, Pertandingan MiCoST Upcycling Innovation Competition 2024;
12. ILP Kangar, emas, iCompEx 2024 dan Pi-ENVEX 2024;
13. Encik Azuan Failani Bin Ariffin dari ADTEC Jerantut telah menerima Anugerah Juruteknik Negara 2024 di Majlis Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event (MBOT ENTICE 2024);
14. ILP Selandar, emas, Pertandingan Antarabangsa, Malaysia Grand Invention Expo (MaGIEx) 2024 dan Virtual Balik Pulau National Innovation Competition 2024;
15. Pegawai Psikologi ILJTM, gangsa, 2nd International Invention, Innovation and Design Expo {InoDex 2023);
16. ILP Ipoh, tempat kedua eUsahawan Best TVET Institution dari MDEC;
17. ILP Sandakan, gangsa INNOFEST 2024; dan
18. ILP Kota Kinabalu, gangsa, Worldskill Malaysia Sabah.

Antara kejayaan pelajar ILJTM adalah :

1. Penyertaan 2 orang pelajar dari ADTEC Melaka Muhammad Iqmal Haziq bin Mohamad Sharufzul dan Adam Akmal bin Abdul Razak serta seorang pelajar ILP Jitra, Mohamad Khor bin Mohamad mewakili Malaysia di Worldskills Competition Lyon 2024;

2. ILP Nibong Tebal, Muhammad Salman Jun Azmi telah menjuarai Kejohanan Kebangsaan CCC Adobe Certified Professional (ACP) dan mewakili Malaysia Adobe World Championship 2024 di California, Amerika Syarikat;
3. Seorang pelajar ILP Kuala Lumpur, Ahmad Afiff Azzad bin Nor Azam telah menjuarai Air-Conditioning, Refrigeration & Ventilation Expo, Malaysia (MARVEX) 2024 dan dinobatkan MACRA (Malaysia Air Conditioning & Refrigerant Association) Top TVET Student Award 2024;
4. Seorang pelajar ILP Kota Bharu Hafizi Hafiz bin Mohd Rizuan telah memenangi pingat Gangsa Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) & dianugerahkan Anugerah Tokoh Mahir (ATM) 2024;
5. Muhammad Ezil Mikhail Bin Edy Safaris dan Muhammad Haiqal bin Mohd Shamsuri dari ADTEC Shah Alam telah menjuarai Pertandingan Akhir Kemahiran Selangor Advanced Skills (SAS) 2024 serta dinobatkan Anugerah Tangan Emas Dato' Menteri Besar Selangor;
6. Pelajar ADTEC Bintulu telah menyapu bersih semua pingat di Pertandingan Inovasi Usahawan Anjuran Kelab Usahawan Siswa Universiti Putra Malaysia;
7. ILP Kota Kinabalu, tempat pertama dan ketiga, Pertandingan Inovasi Sempena Hari Terbuka Kimanis Training Centre(KTC);
8. ILP Kota Kinabalu, Naib Johan, Drone Soccer Competition;
9. ILP Labuan, 1 perak dan 2 gangsa acara seni silat di THE 11th BIMP-EAGA+NT FRIENDSHIP GAMES PALAWAN, PHILIPPINES 2024;
10. ILP Sandakan, juara, Sabah Drone Open Day 2024;
11. ILP Perai, gangsa, WorldSkills Malaysia 2024 bagi bidang IT Networks Systems Administration;
12. ILP Marang, perak, OPIIC 2024;
13. ILP Marang, empat (4) emas, NICERS 2024;

14. ILP Selandar, tiga (3) perak, IDEA'24;
15. ILP Pasir Gudang, dua (2) perak INORO 2.0;
16. ILP Pasir Gudang, Naib Johan, pertandingan Seni Arca Taman Kategori Institusi; dan
17. ILP Pasir Gudang, 3 perak dan 5 gangsa, iDEA'24.

KITA meraikan usaha kolaborasi strategik dan antarabangsa yang telah memperkukuh kedudukan JTM sebagai peneraju dalam bidang TVET. Kerjasama ini bukan sahaja membuka pintu peluang baharu, tetapi juga memacu visi KITA untuk melahirkan tenaga mahir yang bersedia menghadapi cabaran global.

KITA berbangga dengan **penubuhan Proton Advanced Automotive Technology Institute di ADTEC Melaka dan Pusat Pembelajaran TVET Huawei di ILP Kuala Lumpur**. Kedua-dua inisiatif ini menonjolkan peranan ILJTM dalam menerajui teknologi terkini serta memperkukuh ekosistem TVET di Malaysia.

Selain itu, KITA telah melaksanakan **Program Latihan Keusahawanan Digital bersama MDEC** yang melibatkan pelajar dan pengajar ILJTM. Program ini mencerminkan usaha KITA untuk mempersiapkan generasi masa depan yang cekap dalam ekonomi digital.

Tidak dilupakan, **Program VISTA PETRONAS** terus dijalankan di **ILP Sandakan, ILP Miri, ILP Pasir Gudang, dan ADTEC Bintulu**, memberikan latihan teknikal dan vokasional kepada pelajar, sekali gus memperkukuh hubungan strategik dengan industri.

Akhir sekali, Program Persijilan Air-Conditioner Certified Technician bersama Daikin telah diteruskan di 10 buah ILJTM. Program ini membuktikan usaha KITA dalam membekalkan belia dengan kemahiran teknikal yang amat diperlukan oleh industri.

Di peringkat antarabangsa, KITA telah melaksanakan beberapa program pertukaran pelajar dan pengajar yang memperkukuh jaringan global ILJTM :

1. **Kerjasama dengan 5 National Institute of Technology (KOSEN) Jepun,**

melibatkan 8 ILJTM;

2. **Program ASEAN-ROK TVET MOBILITY** anjuran **Korea Chamber of Commerce and Industry (KCCI)**, melibatkan **6 ILJTM di 5 negara ASEAN**, dengan penyertaan seorang pengajar dan 11 pelajar; dan
3. **Program Sakura Exchange Program in Science** di **NAGAOKA INTERNATIONAL TECHNICAL NATIONAL INSTITUTE** melibatkan seorang pengajar dan 7 pelajar dari **ADTEC Melaka**.

Melangkah ke tahun 2025, JTM terus bertekad untuk mengarusperdanakan TVET sebagai pilihan utama pendidikan dan kerjaya melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan untuk **melaksanakan Karnival Pendidikan Kerjaya Murid, SUKSES di 13 ILJTM terpilih**.

JTM juga memberi fokus dalam menyediakan latihan kemahiran yang memenuhi keperluan industri dalam agenda pembangunan modal insan berkemahiran di Malaysia melalui **pengoperasian penuh ILP Serian bermula Januari 2025 ILJTM yang ke-33**.

Sempena kedatangan tahun baharu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan ILJTM akan dijenamakan sebagai Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia, ADTEC JTM.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2025. Semoga tahun 2025 akan membawa **KITA** kegembiraan, Kebahagiaan, Kesihatan dan Kejayaan yang lebih berlipat ganda.

Tahniah JTM, Tahniah ILJTM. Bersama, **KITA** terus melangkah maju untuk Malaysia!